



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20  
24



# RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI DI KAWASAN PARLIMEN

P.132 PORT DICKSON

# **Ringkasan Eksekutif**

# **& Laporan Awal**

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI  
DI KAWASAN PARLIMEN

**P.132 PORT DICKSON**

---

**Penyunting Siri**

Nurul Syaza Mazelan

**Penulis**

Siti Noraiyah Rohim



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# ISI KANDUNGAN

## LAPORAN P.132 PORT DICKSON (NEGERI SEMBILAN)

<b>Kata Pengantar</b> - Nur Rahmah Othman.....	I
<b>Pendahuluan</b> - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin.....	III
<b>BAHAGIAN A</b> .....	1
Laporan Lawatan Pemetaan Isu	
<b>BAHAGIAN B</b> .....	12
Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan.....	13
2.0 Pemetaan Isu .....	14
3.0 Pengutamaan Isu .....	33



**APPGM-SDG**

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

# KATA PENGANTAR

**Nur Rahmah Othman**

*Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat*

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

**Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid**

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>30</b>	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkuuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

# PENDAHULUAN

**Nurul Syaza Mazelan**

*Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen*

**Siti Nur Ain Zakinuddin**

*Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur*

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidaksamaan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui.

Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperoleh terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarluaskan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parliman tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT  
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG  
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetuai proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

**Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024**

<b>Bil.</b>	<b>Zon/Wilayah</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Bahagian</b>	<b>Parlimen</b>	<b>Kod</b>	<b>Nama Ahli Parlimen</b>	<b>Parti</b>	<b>Ketua Penyelidik APPGM-SDG</b>
<b>1.</b>	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
<b>2.</b>	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
<b>3.</b>	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiyah Rohim
<b>4.</b>	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiyah Rohim
<b>5.</b>	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiyah Rohim
<b>6.</b>	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiyah Rohim
<b>7.</b>	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

<b>8.</b>	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>9.</b>	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>10.</b>	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
<b>11.</b>	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohamed Puzi Bin Sh Ali	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>12.</b>	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN-BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
<b>13.</b>	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khlir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
<b>14.</b>	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
<b>15.</b>	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi
<b>16.</b>	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiyah Rohim

<b>17.</b>	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
<b>18.</b>	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN-BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
<b>19.</b>	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH-AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
<b>20.</b>	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
<b>21.</b>	Selatan	N. Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiyah Rohim
<b>22.</b>	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN-UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>23.</b>	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
<b>24.</b>	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN-BERSATU	Nurul Syaza Mazelan

<b>25.</b>	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
<b>26.</b>	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
<b>27.</b>	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
<b>28.</b>	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman
<b>29.</b>	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
<b>30.</b>	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN-UMNO	Nurrul Fazlina Osman

## METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

## PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisaan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

<b>Status Individu</b>	<b>Kaum Minoriti</b>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kumpulan B40 / miskin tegar</li> <li>2. Penduduk M40</li> <li>3. Orang kurang upaya (OKU)</li> <li>4. Ibu / Bapa tunggal</li> <li>5. Wanita</li> <li>6. Warga emas</li> <li>7. Belia</li> <li>8. Kanak-kanak</li> <li>9. Warga asing / Pelarian</li> <li>10. Tiada warganegara</li> <li>11. Ketua Isi Rumah</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komuniti Cina</li> <li>2. Komuniti India</li> <li>3. Komuniti Siam</li> <li>4. Orang Asli/Asal</li> <li>5. Komuniti Bugis</li> <li>6. Komuniti Iban</li> <li>7. Komuniti Kedayan</li> </ol>
<b>Jenis Pekerjaan</b>	<b>Pendidikan</b>
<b>Pertanian</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petani</li> <li>2. Peladang / Peneroka</li> <li>3. Penoreh</li> <li>4. Penternak</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. PIBG Sekolah</li> <li>2. Pelajar sekolah</li> <li>3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)</li> <li>4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)</li> </ol>
<b>Perikanan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Nelayan laut</li> <li>2. Nelayan darat</li> </ol>	
<b>Perdagangan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peniaga</li> <li>2. Penjaja</li> <li>3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS)</li> <li>4. Pengusaha Homestay</li> </ol>	
<b>Perindustrian</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pemilik kilang</li> </ol>	<b>Organisasi / Persatuan</b>
<b>Perkhidmatan</b> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Petugas/Penyelia PPDK</li> <li>2. Veteran ATM dan Polis</li> <li>3. Penghulu-Penghulu Mukim</li> <li>4. Pemimpin Tempatan</li> <li>5. Malim gunung</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Badan bukan kerajaan (NGO)</li> <li>2. Persatuan Sukarelawan</li> <li>3. Persatuan Penduduk</li> <li>4. Koperasi Komuniti</li> </ol>

## PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam **Jadual 3**.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none"><li>• Gejala sosial</li><li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li><li>• Kos sara hidup yang tinggi</li><li>• Keciciran Pendidikan</li><li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li><li>• Masalah banjir</li><li>• Pencemaran air dan udara</li></ul>
Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li><li>• Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian</li><li>• Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan</li> <li>• Penghijrahan ke bandar</li> <li>• Kos sara hidup yang tinggi</li> </ul>
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan</li> <li>• Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah</li> <li>• Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah</li> <li>• Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia</li> </ul>
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masalah banjir</li> <li>• Konflik hidupan liar dan manusia</li> <li>• Keciciran pendidikan</li> <li>• Kenaikan kos sara hidup</li> <li>• Kesukaran mendapatkan lesen nelayan</li> <li>• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas</li> </ul>
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Keperluan sokongan dan bantuan penjanaan pendapatan</li> <li>• Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien</li> </ul>
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir</li> <li>• Penyeludupan barang di sempadan</li> <li>• Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah</li> <li>• Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi</li> <li>• Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik)</li> <li>• Konflik pemilikan tanah</li> <li>• Kemerosotan identiti budaya dan bahasa</li> <li>• Konflik manusia – hidupan liar</li> </ul>

# **BAHAGIAN A**

---

**LAPORAN  
LAWATAN PEMETAAN ISU  
P.132 PORT DICKSON**

4-6 Februari 2024 (Ahad - Selasa)

## TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

### HARI 1

1. Sesi dialog bersama Kumpulan Ibu Tunggal dan Wanita
2. Sesi dialog bersama Mangsa Banjir Taman Linggi Idaman
3. Sesi dialog bersama Belia
4. Lawatan Tapak 1: Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas.

### HARI 2

5. Sesi dialog bersama Ketua Isi Rumah
6. Sesi dialog bersama komuniti Kaum India
7. Sesi dialog bersama PDK Cahaya Ihsan, Linggi
8. Lawatan Tapak 2: Tapak Bersejarah Nenek Moyang Cina Mendarat
9. Lawatan Tapak 3: Kawasan Lombong Terbiar
10. Lawatan Tapak 4 : Makam Sheikh Haji Jamaluddin Al-Lingga
11. Lawatan Tapak 5 : Kawasan Kerap Banjir
12. Lawatan Tapak 6 : Kolam Takungan JPS Kg Linggi

### HARI 3

13. Sesi dialog bersama komuniti Kaum Cina
14. Sesi dialog bersama Komuniti Nelayan Pengkalan Kempas
15. Lawatan Tapak 7 : Menyelusuri Sungai Linggi
16. Sesi dialog bersama Komuniti Org Asli Bukit Kepong

### PASUKAN PENYELIDIK



Siti Noraiyah  
(Ketua Penyelidik)



Anthony Tan



Darshini



Imamul Arifin

**Dengan sokongan  
daripada  
Ahli Parlimen  
Port Dickson,  
Dato' Seri Utama  
Aminuddin Bin Harun**

AMINUDDIN



### 15 Disember 2023 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awal bersama YB Dato' Seri Utama Aminuddin merangkap Ahli Parlimen Port Dickson, dan Menteri Besar Negeri Sembilan telah diadakan di Pusat Khidmat Port Dickson. Turut hadir Pegawai Daerah Port Dickson, Puan Nurhazelin, dan pegawai-pegawai dari Pusat Khidmat Port Dickson.



### 16 Januari 2024 - Mesyuarat Pemprofilan

Mesyuarat pemprofilan bersama wakil Ahli Parlimen Port Dickson, En. Asri, En. Nadzri dan En. Mohammad Ezam berkenaan dengan pemetaan isu bagi Parlimen Port Dickson. Tarikh lawatan tapak bagi Parlimen Port Dickson telah ditetapkan iaitu pada 4 - 6 Februari 2024.



## 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Komuniti Ibu Tunggal dan Kaum Wanita

FGD 1 dan FGD 2 : telah dihadiri oleh 18 peserta, Pegawai JKM, wakil Ahli Parlimen Port Dickson. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** pemberian nafkah oleh bekas suami untuk kehidupan harian, **(2)** sumber pendapatan yang semakin berkurangan **(3)** masalah kesihatan dan masalah mental yang kronik dan **(3)** kekurangan informasi untuk mendapat bantuan kerajaan.



## 2. Sesi Dialog bersama Mangsa Banjir Taman Linggi Idaman

FGD 3 telah dihadiri oleh 9 peserta, Ketua Kampung dan wakil Ahli Parlimen. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu perparitan dan pengairan yang tidak diselesaikan, **(2)** projek penyelesaian masalah banjir yang masih tiada jawapan, **(3)** kesan pembangunan yang tidak terancang dengan baik memberi kesan buruk kepada penduduk setempat.



### 3. Sesi Dialog bersama Belia

FGD 4 dihadiri oleh 11 peserta dari kalangan belia dan wakil-wakil dari Pusat Khidmat Masyarakat Parlimen Port Dickson. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** kekurangan tempat untuk belia membuat aktiviti seperti beriadah, bersukan **(2)** kekurangan peluang pekerjaan **(3)** kekurangan program berbentuk pendedahan kepada belia - sijil kemahiran dan hala tuju belia.



### 4. Lawatan Tapak 1 : Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas.

Para penyelidik diberi peluang melawat Tapak Megalit di Pengkalan Kempas telah didaftarkan sebagai 'Warisan Kebangsaan' di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 oleh Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Kompleks ini menempatkan Batu Megalitik dan turut menempatkan Makam Syeikh Ahmad Majnun. Syeikh Ahmad Majnun merupakan seorang ulama yang menyebarkan syiar Islam pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Makam beliau dianggap salah sebuah makam Islam yang tertua di Malaysia.



## 5. Sesi Dialog bersama Ketua Isi Rumah

FGD 5 dihadiri oleh 18 peserta terdiri daripada warga emas, OKU, berbangsa Cina dan Melayu, 2 Pegawai JKM dan Ketua Kampung. Team PD dibantu oleh Cik Siti Aminah untuk menterjemah dari Bahasa Cina kepada Bahasa Melayu. Antara isu yang diketengahkan adalah **(1)** isu kemaskini borang JKM **(2)** bantuan JKM yang tidak mencukupi untuk kehidupan seharian **(3)** masalah kesihatan warga emas



## 6. Sesi Dialog bersama Kaum India

FGD 6 dihadiri oleh 18 peserta, wakil ahli parlimen, 2 pegawai JKM dan Ketua Kampung. Antara isu yang diketengahkan **(1)** kegagalan mendapat bantuan JKM **(2)** kekurangan sumber ekonomi **(3)** warga emas yang menghadapi masalah kesihatan seperti kencing manis **(4)** masalah persekitaran kawasan ( udara yang busuk, sistem pengairan air daripada tandas, perparitan) dan **(5)** pengangguran dalam kalangan belia yang tinggi.



## 7. Sesi Dialog bersama PDK

Sesi FGD 7 dihadiri oleh seorang penyelia, petugas, wakil ahli parlimen, pegawai JKM dan Ketua Kampung. Antara isu yang diketengahkan **(1)** kebimbangan dan kekeliruan berkenaan dengan status pemilikan tanah bangunan PDK **(2)** kekurangan dana untuk membaiki pulih bangunan PDK **(3)** petugas menerima notis berhenti dari PDK tanpa diberitahu sebab.



## 8. Lawatan Tapak 2: Tapak Bersejarah Nenek Moyang Cina Mendarat

Para penyelidik berpeluang melawat Tapak Bersejarah Nenek Moyang Cina Mendarat yang terletak di Jeti Pengkalan Kempas berdekatan dengan Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas. Kawasan ini adalah sebuah lokasi yang menjadi destinasi permulaan untuk rakyat dari negara China memasuki Tanah Melayu sejak dari Kurun ke-19.



## 9. Lawatan Tapak 3: Kawasan Lombong Terbiar

Para penyelidik di bawa melawat kawasan lombong terbiar di DUN Linggi yang mana boleh berpotensi dijadikan sebagai lokasi projek ternakan ikan sangkar.



## 10. Lawatan Tapak 4 : Makam Sheikh Haji Jamaluddin Al-Lingga

Para penyelidik diberi peluang melawat Makam Sheikh Haji Jamaluddin Al-Lingga yang merupakan seorang ulama' yang amat dihormati dan dikenali di Negeri Sembilan, beliau sangat dikasihi Tuanku Muhammad, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan (mangkat 1 ogos 1933) dan amat disayangi Dato' Kelana Ma'mur(1990-1045).



## 11. Lawatan Tapak 5 : Kawasan Kerap Banjir

DUN Linggi juga mempunyai satu isu berkenaan banjir yang telah lama berlaku dan belum ada jalan penyelesaian. Para penyelidik melawat Taman Linggi Idaman, yang kawasan "hot spot" untuk masalah banjir tersebut. Kawasan ini yang pada asalnya kawasan paya dan juga sistem perparitan yang tidak teratur, berdekatan dengan Sungai Linggi membawa kepada masalah banjir. Semasa sesi dialog pada hari sebelumnya, peserta turut menyatakan banjir ini berlaku 2-3 kali setahun.



## 12. Lawatan Tapak 6 : Kolam Takungan JPS Kg Linggi

Para penyelidik bersama Ketua Kampung Pengkalan Durian, Wakil Ahli Parlimen turut melawat kawasan Kolam Takungan JPS Kg Linggi yang pada asalnya adalah salah satu cara untuk menangani masalah banjir di Kg Linggi dan sekitar. Namun, penduduk-penduduk mengatakan pembinaan kolam ini tidak mampu mengatasi masalah banjir disebabkan keadaan kolam yang lebih tinggi daripada paras limpahan air sungai. Kesannya, air sungai melimpah ke kawasan kampung sekitarnya yang menyebabkan banjir.



### 13. Sesi Dialog bersama Kaum Cina

FGD 8 dihadiri oleh warga emas dari kaum Cina, wakil ahli parlimen, dan pegawai-pegawai JKM. Antara isu yang diketengahkan **(1)** kurang informasi berkenaan bantuan kerajaan dalam komuniti Cina **(2)** jalan raya yang sempit di kawasan Estate, **(3)** isu kesihatan dalam kalangan warga emas **(4)** kos sara hidup yang tinggi **(5)** isu perparitan ketika musim hujan.



### 14. Sesi Dialog bersama Kumpulan Nelayan

FGD 9 dihadiri oleh kumpulan nelayan dan wakil Pusat Khidmat Port Dickson. Antara isu yang diketengahkan **(1)** kesukaran dalam memohon dan mendapatkan lesen nelayan darat **(2)** pencemaran air Sungai Linggi ( kurang jernih dan warna air yang terlalu kotor dan coklat) **(3)** projek korek pasir di Sungai Linggi yang memberi kesan negatif kepada hidupan air.



## 15. Lawatan Tapak Lawatan Tapak 7 : Menyelusuri Sungai Linggi

Para Penyelidik dibawa menyelusuri Sungai Linggi untuk melihat keadaan sepanjang sungai. Sewaktu lawatan, para penyelidik melihat sendiri aktiviti korek pasir di tepi Sungai Linggi yang membawa kesan kepada sungai dan keadaan air sungai. Kesannya habitat di air semakin berkurangan.



## 16. Sesi Dialog bersama Komuniti Orang Asli

Sesi FGD 10 bersama dengan 4 orang wakil dari Komuniti Orang Asli Temuan, di Kampung Orang Asli Kg Bukit Kepong. Kampung ini adalah salah satu kampung Orang Asli yang sangat bersih dan teratur. Pemimpin tempatan adalah Tok Batin, dan dibantu oleh Pengerusi JPPKK. Isu terdesak yang disuarakan oleh peserta adalah kesukaran dalam mendapatkan bantuan rumah baru.

# **BAHAGIAN B**

---

**LAPORAN PEMETAAN ISU**

**P.132 PORT DICKSON**

## 1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Port Dickson ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Seri Utama Aminuddin Harun dari Parti Keadilan Rakyat.</i></p>		 <p>YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin Harun</p>																								
<b>Parlimen</b>	P 132																									
<b>Kawasan</b>	Port Dickson																									
<b>Negeri</b>	Negeri Sembilan																									
<b>Jumlah penduduk</b>	128,954 orang																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>70,924</td> <td>55.2</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>32,883</td> <td>25.5</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>24,114</td> <td>18.7</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>773</td> <td>0.6</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>JUMLAH KESELURUHAN</b></td><td><b>128,954</b></td><td><b>100.00</b></td></tr> </tbody> </table>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	70,924	55.2	2.	Cina	32,883	25.5	3.	India	24,114	18.7	4.	Lain_lain	773	0.6	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>128,954</b>	<b>100.00</b>
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	70,924	55.2																							
2.	Cina	32,883	25.5																							
3.	India	24,114	18.7																							
4.	Lain_lain	773	0.6																							
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>128,954</b>	<b>100.00</b>																							
	<p><i>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan Dun - Parlimen Port Dickson, Negeri Sembilan, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.</i></p>																									
<b>Kegiatan ekonomi utama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelancongan: sektor pelancongan adalah aktiviti ekonomi utama di Parlimen Port Dickson.</li> <li>• Pertanian: termasuk sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman industri.</li> <li>• Perkhidmatan: Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman merekodkan aktiviti ekonomi yang paling aktif di Parlimen Port Dickson.</li> </ul>																									
<b>Pasukan kajian</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Siti Noraiyah bt Rohim: Ketua Penyelidik dan Penulis Laporan</li> <li>2. Anthony Tan Kee Huat: Pengarah Kanan Pasukan Sokongan</li> <li>3. Darshini Rawichandran: Pembantu Penyelidik</li> <li>4. Imamul Arifin: Pembantu Penyelidik</li> </ol>																									

## 2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 9 FGD dan 7 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Port Dickson dan 1 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Grand Lexis Port Dickson.

TARIKH	PERKARA
<b>4 Februari 2024,</b> Ahad	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialog Bersama <b>Kumpulan Ibu Tunggal dan Wanita, Balai Raya Kampung Permatang Pasir</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Mangsa Banjir Taman Linggi Idaman</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Belia, Balai Raya Kampung Permatang Pasir</b></li> <li>• Lawatan Tapak ke <b>Kompleks Sejarah Pengkalan Kempas</b></li> </ul>
<b>5 Februari 2024,</b> Isnin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialog Bersama <b>Ketua Isi Rumah, Balai Raya Kampung Pengkalan Durian</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Kaum India, Balai Raya Kampung Pengkalan Durian</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>PDK Cahaya Ihsan, Linggi</b></li> <li>• Lawatan Tapak ke <b>Tapak Bersejarah Nenek Moyang Cina Mendarat</b></li> <li>• Lawatan Tapak ke <b>Kawasan Lombong Terbiar</b></li> <li>• <b>Lawatan Tapak ke Kawasan Kerap Banjir</b></li> <li>• <b>Lawatan Tapak ke Kolam Takungan JPS Kg Linggi</b></li> </ul>
<b>6 Februari 2024,</b> Selasa	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Kaum Cina, Kg Pengkalan Kempas</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Nelayan Pengkalan Kempas</b></li> <li>• Lawatan Tapak: <b>Menyelusuri Sungai Linggi</b></li> <li>• Dialog Bersama <b>Komuniti Orang Asli Bukit Kepong</b></li> </ul>
<b>4 Mac 2024,</b> Isnin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dialog bersama Agensi Kerajaan</li> </ul>

## PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<b>ISU SOSIAL</b>			
Kekurangan pendedahan dalam sistem sokongan dan bantuan.	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Ibu Tunggal</li> <li>● Wanita</li> <li>● Warga Emas</li> <li>● Ketua Isi Rumah</li> <li>● Komuniti India</li> <li>● Komuniti Cina</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Ibu Tunggal di Kg Permatang Pasir berhadapan dengan kekurangan maklumat berkaitan bantuan ibu tunggal</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Terdapat keperluan untuk mendaftarkan diri dengan sebagai contoh Baitul Mal (merujuk kepada mendaftar sebagai asnaf) untuk mendapatkan bantuan.</p> <p>Tambahan bagi Negeri Sembilan, pada tahun lepas kadar kemiskinan tegar adalah kosong. Walaubagaimanapun, pihak mereka akan menyemak balik keperluan pemohon berkaitan bantuan dan perkara lain</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kebanyakan peserta yang hadir tidak jelas mengenai bantuan kerajaan berkaitan syarat dan kelayakan mendapatkan/memohon bantuan JKM. Sebagai contohnya, syarat kelayakan untuk permohonan bantuan warga emas</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Pihak JKM sentiasa berada di lapangan dan membuka kaunter pertanyaan. Tambahan untuk setiap bantuan akan diberikan kepada mereka mengikut kepada prosedur yang ditetapkan.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Isu kekurangan informasi berkenaan bantuan sepatutnya tidak berlaku. Tambahan setiap sebulan, pihak JKM akan turun padang (merujuk kepada turun ke kawasan DUN Linggi)
Kesukaran dalam mendapatkan bantuan kebijakan	• Warga emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>Warga emas di Kg Pengkalan Durian, Kg Pengkalan Kempas berhadapan dengan kesukaran mendapatkan bantuan walaupun permohonan dibuat beberapa kali.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Terdapat dua bantuan JKM iaitu bantuan daripada Persekutuan dan Negeri. Bantuan warga emas termasuk dalam kategori Bantuan Persekutuan. Antara syarat-syarat yang melibatkan bantuan warga emas ini adalah berumur 60 tahun ke atas, pendapatan isi rumah, masalah kesihatan.</p> <p>Seandainya permohonan ini tidak layak atau tidak menepati syarat, pihak JKM akan mencadangkan pemohon untuk memohon bantuan daripada negeri. Walaubagaimanapun, setiap permohonan dan kelayakan akan mengikut kesesuaian yang telah ditetapkan.</p>
	• Ibu Tunggal	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketiadaan bantuan untuk ibu tunggal yang tiada tanggungan.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesukaran mendapatkan bantuan disebabkan status masih berkahwin (kes ibu tinggal)</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Pendigitalan dalam bantuan membebankan kumpulan sasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Warga emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kekurangan pendedahan mengenai bantuan E-Kasih kerana ketiadaan telefon canggih untuk memohon bantuan, dan masalah dalam kalangan warga emas yang walaupun memiliki telefon canggih, tidak tahu cara menggunakan atau menghadapi tahap aksesibiliti yang rendah.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Ketelusan maklumat berkenaan Pemulangan bantuan JKM	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu Tunggal</li> <li>Penduduk setempat DUN Linggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Waris kepada penerima bantuan tidak mendapat sebarang maklumat berkenaan pemulangan semasa penerima masih hidup</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Pihak JKM telah memaklumkan berkenaan perkara ini (pemakluman kematian kepada pihak JKM) telah termaktub di dalam surat (merujuk kepada surat kelulusan permohonan bantuan)</p>
Pemulangan balik bantuan JKM yang membebangkan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu Tunggal</li> <li>Penduduk setempat DUN Linggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu tunggal (waris kepada penerima bantuan) berhadapan kesukaran dalam menggantikan kembali duit bantuan JKM.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Pembayaran balik setelah penerima bantuan telah meninggal merupakan arahan daripada Kementerian Kewangan sendiri.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Walaubagaimanapun pada tahun 2024 pemansuhan berkenaan pemulangan balik duit bantuan akan dilaksanakan.</p>
Pembayaran tanpa tunai di semua fasiliti KKM membebangkan warga emas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembayaran caj perkhidmatan di Klinik Kesihatan menggunakan kad debit menyukarkan warga emas.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Pembayaran tanpa tunai di semua premis Kesihatan merupakan satu polisi daripada Kementerian Kewangan (Polisi Persekutuan dan bukan dasar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) itu sendiri) Walaubagaimanapun, bagi Klinik Kesihatan, kesukaran untuk melaksanakan polisi tersebut turut berlaku.</p> <p>Kawasan Port Dickson sendiri, tidak mencapai 10% lagi pembayaran tanpa tunai. Peratusan ini dianggap peratusan yang masih rendah disebabkan oleh pelaksanaan polisi pembayaran tanpa tunai tidak dilaksanakan secara sepenuhnya.</p>
Penyalahgunaan dadah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Penduduk setempat Kampung Orang Asli</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat kes dadah di kawasan Perkampungan Orang Asli yang berpunca daripada pengaruh masyarakat luar</li> </ul>	<p><b>Polis Diraja Malaysia (PDRM):</b></p> <p>Tiada kawasan panas berkenaan dengan dadah di Port Dickson terutamanya DUN Linggi Tambahan, sekiranya terdapat kes</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Bukit Kepong		penyalahgunaan dadah, ia hanya kes yang berlaku secara kecil-kecilan sahaja.
Kekurangan kemudahan asas	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat Dun Linggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketiadaan Balai Bomba di DUN Linggi</li> <li>• Ketiadaan ambulans di Klinik Kesihatan Linggi</li> <li>• Kekangan penyelenggaraan seperti infrastruktur di Jeti Pengkalan Kempas masih tidak dibaik.</li> <li>• Penutupan dewan awam di Pekan Linggi yang sepatutnya menjadi tempat aktiviti/program kemasyarakatan penduduk</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Perkembangan terkini bagi pembinaan balai bomba di Linggi adalah dalam proses ukur tanah.</p> <p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p> <p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p> <p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Kekurangan fasiliti dan penyelenggaraan kawasan setempat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat sekitar kawasan Pengkalan Kempas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketiadaan tukang sapu untuk jalan raya (sekitar kawasan Pengkalan Kempas)</li> <li>• Ketiadaan tong sampah yang besar di kawasan Pengkalan Kempas</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Kawasan tersebut bukan di bawah kawasan Majlis untuk menyelenggara dan berkaitan tong sampah. Malahan para penduduk juga tidak membayar cukai pintu.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Komuniti Cina</li> </ul>		Perbincangan bersama dengan Kementerian Luar Bandar berkenaan masalah pembuangan sampah di kawasan terutamanya pekan telah dilakukan dan mungkin akan menjadi titik perubahan berkenaan isu pembuangan sampah di kawasan bukan sahaja di Negeri Sembilan, namun seluruh Malaysia juga.
Ketiadaan fasiliti untuk beriadah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> <li>• Penduduk setempat DUN Linggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketiadaan tempat untuk beriadah dan bersukan walaupun belia setempat sangat aktif.</li> <li>• Terdapat court sepak takraw namun tidak diselenggara dengan baik</li> <li>• Terdapat padang awam tetapi keadaannya agak teruk dan kecil.</li> <li>• Pernah mohon dewan atau kawasan riadah di peringkat Jabatan dan Daerah tetapi masih tiada respons</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Perkara ini akan dibawa kepada tindakan seterusnya. Pusat Khidmat Parlimen Port Dickson diminta meneliti perkara ini.</p>
Kekurangan informasi untuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan fasiliti untuk warga emas beriadah di Jeti Pengkalan Kempas yang mesra warga emas.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia tidak diberi/mendapat pendedahan mengenai platform untuk membuat aduan dan membawa isu belia</li> </ul>	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
membawa isu belia	• Penduduk setempat DUN Linggi	• Terdapat cadangan untuk membuat kursus bagi pembangunan belia	
Cabaran dalam mendapatkan bantuan rumah/memilik i rumah	• Kampung Orang Asli Bukit Kepong	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan rumah mesra rakyat memerlukan geran tanah atas nama individu yang ingin memohon.</li> <li>• Ketiadaan geran individu kerana kawasan yang didiami merupakan perwartaan kawasan Orang Asli.</li> <li>• Kuota bantuan perumahan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada JAKOA terlalu kecil berbanding permintaan yang semakin meningkat dalam masyarakat Orang Asli.</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Sebarang kerosakan rumah perlu dilaporkan kepada Pusat Khidmat kerana Tindakan akan dibuat berdasarkan laporan.</p> <p>Permohonan rumah baru di bawah bidang kuasa JAKOA. JAKOA akan membuat siasatan dengan melihat berapa banyak buah rumah dan ketersediaan tapak.</p>
Keciciran pendidikan	• Kampung Orang Asli Bukit Kepong	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu berhenti sekolah dalam kalangan pelajar orang Asli, tanpa sebab yang dikenalpasti.</li> <li>• Salah satu punca adalah wujudnya diskriminasi terhadap fizikal masyarakat Orang Asli.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Port Dickson:</b></p> <p>Pihak PPD dalam usaha untuk menangani isu berhenti belajar dalam kalangan Orang Asli.</p> <p>Isu berhenti sekolah ini sering berlaku di kebanyakan Sekolah Orang Asli <i>dan</i> punca utama tidak dapat dikenalpasti</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Warga emas dan masalah kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas</li> <li>• Ketua Isi Rumah</li> <li>• Komuniti Cina</li> <li>• Komuniti India</li> <li>• Komuniti Melayu</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hampir kesemua warga emas yang hadir mempunyai masalah kesihatan seperti asma, semput, kencing manis, buah pinggang, sawan dan jantung.</li> </ul>	<p><b>Pejabat Kesihatan Daerah Port Dickson:</b> Isu masalah kesihatan dalam kalangan warga emas ini menjadi bukti dan selari dengan dapatan daripada Tinjauan Kesihatan Kebangsaan 2019.</p> <p>Justeru, program-program kesihatan telah dibuat untuk mengesan awal penyakit-penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, kolesterol dalam kalangan warga emas.</p>
Capaian Internet masih lemah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kebanyakan kawasan di DUN Linggi masih berhadapan dengan masalah capaian internet yang tidak stabil dan lemah.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>
Kesukaran mendapatkan lesen nelayan darat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Nelayan Darat</li> <li>• Kg Pengkalan Kempas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat kesukaran dalam mendapatkan lesen walaupun telah beberapa kali membuat permohonan.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Perikanan Daerah Port Dickson:</b> Terdapat dua jenis nelayan iaitu nelayan darat dan nelayan laut. Kedua-dua jenis nelayan ini mempunyai kuota pengeluaran lesen.</p> <p>Tambahan, kuota yang dikeluarkan bergantung kepada keputusan di peringkat Persekutuan.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan mendapatkan lesen ditolak kerana Jabatan Perikanan telah membekukan permohonan lesen.</li> </ul>	<b>Jabatan Perikanan Daerah Port Dickson:</b>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Namun, perkara ini masih menimbulkan ketidakpuasan hati kerana bilangan nelayan berlesen sangat kurang di Pengkalan Kempas, hanya lima orang sahaja</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Kesannya, ramai nelayan yang tanpa lesen di Pengkalan Kempas</li> </ul>	<p>Terdapat lebih kurang 400 lebih nelayan yang berdaftar di Negeri Sembilan</p> <p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Berkenaan dengan permohonan mendapatkan lesen nelayan berjaya atau tidak adalah perkara yang berkaitan dasar dan bukan di bawah bidang kuasa jabatan. Pihak jabatan sangat mengalukan permohonan lesen. Namun kekangan peruntukan turut menjadi satu cabaran.</p> <p><b>Jabatan Perikanan Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Setiap permohonan yang diterima akan dihantar ke ibu pejabat. Pada masa ini terdapat lebih kurang 500 orang nelayan darat. Kuota nelayan darat sama seperti nelayan laut Dimana sekiranya terdapat kekosongan barulah kuota itu akan diisi. Pembekuan lesen nelayan bukan sahaja berlaku kepada nelayan darat sahaja, namun nelayan laut juga.</p>
Cabarannya dalam memastikan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Petugas</li> <li>● Penyelia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kekeliruan berkenaan status tanah di PPDK.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kelestarian Pusat Pemulihan dalam Komuniti (PPDK)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Komuniti PPDK Cahaya Ikhsan Linggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pemotongan bilangan petugas PPDK.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Pihak JKM menerima surat tersebut disebabkan oleh bilangan pelatih di PPDK tersebut itu ialah 10 orang sahaja. Tambahan ia bertepatan dengan kuota utama bagi seorang petugas bersamaan lima orang pelatih.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Ketiadaan dana untuk membuat aktiviti dan memperbaharui cukai jalan kenderaan PPDK (van).</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Perkara ini diambil maklum dan Pusat Khidmat Port Dickson telah membantu PPDK berkenaan kos memperbaharui cukai jalan kenderaan PPDK (van).</p>
Gangguan bekalan air	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat Kg Batu 12, Kg Batu 11, dan Kg Telok Pelandok.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Masalah ketiadaan air sering berlaku akibat paip yang kerap pecah, menyebabkan gangguan bekalan air sebanyak 2 hingga 3 kali seminggu.</li> <li>Meskipun paip telah dibaiki, masalah paip pecah di lokasi yang sama masih berulang.</li> <li>Kejadian ini dipercayai berpunca daripada projek perumahan berdekatan.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Antara lokasi yang terlibat dengan masalah ini termasuk Kg Batu 12, Kg Batu 11, dan Kg Telok Pelandok.</li> </ul>	
<b>ISU EKONOMI</b>			
Peluang pekerjaan yang terhad	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat</li> <li>Belia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ramai belia yang menganggur dan bekerja sendiri.</li> <li>Ketiadaan industri atau kilang di kawasan Permatang Pasir.</li> <li>Peningkatan penghijrahan belia ke luar kawasan untuk mencari peluang pekerjaan.</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Satu <i>Memorandum of Understanding (MOU)</i> telah ditandatangani dimana satu pelabuhan akan dibina di Pasir Panjang.</p> <p>Jangkaan penduduk sekitar akan mendapat kesan positif seperti peluang pekerjaan kepada lebih kurang 5000 orang.</p>
Kenaikan kos sara hidup	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kos barang mentah dan keperluan yang makin tinggi.</li> <li>Harga barang dan makanan yang semakin mahal.</li> <li>Kos pengangkutan (ambil dan hantar anak sekolah) yang tinggi.</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Terdapat jualan langsung pada setiap minggu mahupun setiap bulan untuk menangani isu harga barang melalui diskaun</p> <p><b>YB ADUN Linggi:</b></p> <p>Cadangan untuk mengadakan program dengan kolaborasi bersama syarikat seperti Mydin untuk</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			memastikan aktiviti jualan langsung menyedari kewujudan program ini.
Masalah kemiskinan dalam kalangan kumpulan sasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas</li> <li>• Ibu Tunggal</li> <li>• Kg Permatang Pasir (DUN Linggi)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas, ibu tunggal yang berhadapan dengan tiada sumber pendapatan.</li> <li>• Tiada pendedahan mengenai bantuan kepada ibu tunggal: Ibu tunggal ingin bermula dan tiada modal memulakan perniagaan</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Terdapat bantuan perniagaan kepada penerima bantuan JKM dan sangat terhad. Penerima bantuan perniagaan ini memfokuskan kepada mereka yang telah menjalankan perniagaan. Malahan pihak JKM akan terus menyokong mereka dari segi bantuan perniagaan dan memantau dalam tempoh dua tahun sehingga mereka mampu berdikari sendiri dengan perniagaan</p>
Kesukaran dalam mendapatkan bantuan kerajaan untuk pembangunan ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas</li> <li>• Ibu Tunggal (Kg Permatang Pasir (DUN Linggi))</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Warga emas berstatus ibu tunggal menyuarakan <i>availability</i> (ketersediaan) bantuan perniagaan</li> </ul>	<p><b>Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Terdapat bantuan perniagaan kepada penerima bantuan JKM dan sangat terhad. Penerima bantuan perniagaan ini memfokuskan kepada mereka yang telah menjalankan perniagaan. Malahan pihak JKM akan terus menyokong mereka dari segi bantuan perniagaan dan memantau dalam tempoh dua tahun sehingga</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>mereka mampu berdikari sendiri dengan perniagaan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Syarat yang ditetapkan untuk mendapatkan bantuan perniagaan dianggap sukar, seperti keperluan untuk mempunyai kedai atau gerai.</li> </ul>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesukaraan mendapatkan bantuan TUNS</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Terdapat beberapa bantuan bersasar untuk membantu ibu tunggal dalam perniagaan seperti AIM, TEKUN. Namun, permohonan perlu dibuat terlebih dahulu. Walaubagaimanapun, untuk mendapatkan bantuan berbentuk geran adalah sukar.</p> <p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Terdapat bantuan TUNS, namun tidak semua peniaga yang membuat permohonan yang layak mendapat geran tersebut. Setiap pemohon turut akan disiasat sebelum permohonan diterima dan layak.</p>
<b>ISU ALAM SEKITAR</b>			
Sistem saliran dan longkang yang tersumbat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan Taman Linggi, terdapat longkang yang tersumbat yang boleh bawa kepada banjir kilat ketika hujan.</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Terdapat keperluan bagi penduduk untuk mencuci sendiri kawasan longkang tersebut. Tambahan bagi kawasan Rumah Rakyat</p>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Keadaan longkang di Rumah Rakyat tidak diselenggara boleh bawa masalah dengan (Kg. Pengkalan Durian)</li> </ul>	<p>Pengkalan Durian, kesukaran untuk melakukan pembersihan longkang berpunca daripada para penduduk yang melakukan pembesaran rumah sehingga lokasi longkang berada di dalam kawasan rumah mereka.</p> <p>Keadaan longkang yang ditutup, disimen dan berada di dalam kawasan rumah penduduk turut menyukarkan pembersihan longkang. Kesannya apabila hujan, air mengalir ke kawasan rumah.</p>
Sistem perparitan yang tidak efisien menyebabkan masalah banjir kilat	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Struktur perparitan yang tidak teratur di Kampung Permatang Pasir telah menyebabkan air hujan melimpah melebihi kapasiti saliran yang ada.</li> <li>Sistem perparitan di sepanjang taman-taman berhampiran tidak mampu menampung aliran air hujan dari Sungai Linggi, menyebabkan berlakunya banjir kilat.</li> <li>Kawasan yang memerlukan perhatian utama di Kampung Permatang Pasir adalah sekitar hadapan masjid (berdekatan balai raya), di mana sistem</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Meminta kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk melihat dan meneliti sistem perparitan di kawasan Kampung Permatang Pasir tersebut.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		perparitan di kedua-dua belah jalan perlu diperbaiki.	
Ketiadaan informasi berkenaan status projek tebatan banjir	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mangsa banjir</li> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mangsa banjir memaklumkan bahawa mereka tidak mengetahui status terkini projek tersebut.</li> <li>● Maklumat terakhir yang diterima adalah semasa mesyuarat bersama Kontraktor JPS dan MPPD pada 21/10/2022.</li> <li>● Terdapat pergerakan lori besar keluar masuk, namun tiada papan tanda yang menunjukkan projek telah bermula.</li> <li>● Ketua Kampung memaklumkan projek pembinaan benteng telah bermula dari Pengkalan Durian hingga ke Jambatan Sungai Linggi sejak 6 bulan lalu dan dijangka siap akhir tahun ini.</li> <li>● Terdapat persoalan mengenai keadaan longkang yang masih tidak berubah sekiranya projek telah bermula.</li> </ul>	<p><b>Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Daerah Port Dickson:</b></p> <p>Terdapat salah faham berkenaan lori yang keluar masuk itu adalah tidak berkaitan dengan projek tebatan banjir. Tambahan, bagi status perkembangan projek tebatan banjir adalah masih dalam proses pengiklanan untuk lantikan kontraktor.</p> <p>Pergerakan lori keluar masuk itu adalah berkenaan dengan projek timbal pasir. Tambahan papan tanda turut diletakkan di sebelah dalam kawasan. Timbal balik pasir ini merupakan satu aktiviti korek pasir untuk membuat benteng sepanjang projek daripada dalam kedudukan 2 kilo sehingga ke jambatan (merujuk kepada Sungai Linggi)</p>
Ancaman hidupan liar	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Gangguan kera, monyet, anjing liar di kawasan DUN Linggi.</li> </ul>	<b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b>

<b>ISU UTAMA</b>	<b>KUMPULAN SASARAN</b>	<b>PENERANGAN ISU</b>	<b>ULASAN AGENSI KERAJAAN</b>
dan haiwan ternakan yang berkeliaran		<ul style="list-style-type: none"> <li>● Kapasiti untuk menangani isu ini sangat terhad.</li>   <li>● Di kawasan DUN Linggi, banyak haiwan ternakan berkeliaran, tidak ditambat seperti lembu yang memberi kesan kepada pertanian dan kemalangan</li> </ul>	<p>Isu haiwan liar adalah isu sensitif untuk beberapa pihak seperti Badan bukan kerajaan (NGO) yang melindungi haiwan-haiwan tersebut. Walaubagaimanapun isu ini adalah isu yang melibatkan ketenteraman awam.</p> <p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Tindakan yang dibuat adalah dengan menangkap lembu-lembu yang berkeliaran di kawasan Majlis. Namun bagi kawasan kampung (di luar kawasan Majlis), terdapat keperluan berbincang dengan Ketua Kampung untuk mengatasi masalah ini.</p>
Masalah banjir yang tiada kesudahan	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Mangsa banjir</li> <li>● Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Peserta yang hadir mengatakan Kg Permatang Pasir merupakan Pusat Pemindahan Banjir.</li> <li>● Masalah banjir di kawasan DUN Linggi sudah bertahun lama.</li> <li>● Tahap keberkesanan kolam takungan air dalam membantu masalah banjir dipersoalkan.</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Pada awal tahun 2024, tiada isu banjir di kawasan Linggi berbanding tahun-tahun sebelumnya. Hal ini demikian kerana, terdapat dua Projek Tebatan Banjir.</p> <p><b>Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Port Dickson:</b></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Peruntukan daripada Persekutuan bagi Projek tebatan banjir ialah RM40 Juta untuk Linggi dan RM13 Juta bagi Sungai Solok</p>
Pencemaran Sungai Linggi yang perlukan kawalan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat setempat</li> <li>• Nelayan darat</li> <li>• Kawasan Sungai Linggi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Terdapat aktiviti pembuangan sampah ke dalam sungai tanpa diketahui puncanya.</li> <li>• Selepas hujan, sampah hanyut dan dikatakan datang dari kawasan Seremban, bukan dari kampung sekitar.</li> <li>• Anggaran jumlah sampah melebihi muatan dua lori jika dikumpulkan.</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Masalah sampah adalah perkara yang sentiasa berlaku. Salah satu sebabnya adalah berpunca daripada kurang kesedaran daripada masyarakat sekeliling yang membuang sampah ke dalam sungai.</p>
		<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencemaran air yang teruk juga disebabkan oleh proses pembersihan dan pendalaman Sungai.</li> <li>• Pengusaha pasir menjalankan kerja tetapi gagal menyediakan takungan air yang mencukupi untuk proses pembersihan, menyebabkan air kotor terus dilepaskan tanpa penapisan yang memadai.</li> </ul>	<p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b></p> <p>Terdapat keperluan untuk menjalankan aktiviti mencuci sungai pada masa terdekat ini. Tambahan seandainya tiada aktiviti mengeluarkan pasir, keadaan sungai akan menjadi teruk dan akan menyebabkan masalah banjir di kawasan pekan (merujuk kepada Pekan Linggi).</p>
Isu korek pasir di Sungai Linggi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Masyarakat setempat</li> <li>• Nelayan darat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Aktiviti korek pasir menyebabkan tanah runtuh, perubahan warna sungai, dan jaring ikan terjejas akibat rumput yang tersangkut.</li> </ul>	<p><i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Kesan negatif ini menjadikan nelayan dan ekosistem sungai, termasuk menyebabkan masalah ikan/udang mabuk.</li> <li>Aktiviti tersebut mengurangkan hasil tangkapan dan menjadikan sumber pendapatan nelayan</li> </ul>	<p><b>Jabatan Perikanan Daerah Port Dickson:</b> Masalah udang mabuk sentiasa berlaku di Sungai Linggi. Pihak jabatan juga sentiasa membuat pemantauan berkenaan ini, namun untuk mencari pelaku (merujuk kepada aktiviti menuba) memerlukan kerjasama masyarakat sekitar. Tambahan aktiviti menuba ini adalah salah dari segi undang-undang.</p> <p><b>Menteri Besar Negeri Sembilan:</b> Setiap tahun Jabatan Perikanan akan memasukkan benih-benih udang dan ikan di Sungai Linggi untuk meningkatkan hasil pendapatan nelayan darat</p> <p><b>Jabatan Perikanan Daerah Port Dickson:</b> Pihak Jabatan Perikanan di dalam perancangan untuk melaksanakan pelepasan benih tersebut bagi tahun 2024.</p>
Masalah nyamuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penduduk setempat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kawasan Kg Pengkalan Durian merupakan kawasan denggi.</li> <li>Permasalahan ini berlaku berpunca daripada kegagalan sistem perparitan.</li> </ul>	<i>Tiada ulasan mengenai isu ini daripada mana-mana agensi</i>

### 3.0 PENGUTAMAAN ISU

#### PENGUTAMAAN ISU 1: PEMBANGUNAN BELIA YANG TERHAD

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kekurangan program berbentuk kesedaran dan pendedahan mengenai hala tuju anak muda semasa, selepas pendidikan.</li> <li>Tiada tempat untuk beriadah dan bersukan.</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan satu pusat belia</li> <li>Menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Belia</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	DUN Linggi: Kg Permatang Pasir
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG yang berkaitan</b>	<b>Sasaran SDG Berkaitan</b>
<b>Matlamat 4:</b> Pendidikan Berkualiti	<b>Sasaran 4.3:</b> Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti.
<b>Matlamat 8:</b> Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi	<b>Sasaran 8.6:</b> Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara bahagian belia yang tidak dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.

#### PENGUTAMAAN ISU 2: MARGINALISASI IBU TUNGGAL

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Masalah kewangan dalam kalangan ibu tunggal.</li> <li>Kesukaran untuk mendapatkan bantuan perniagaan dan sistem sokongan daripada agensi-agensi berkaitan.</li> </ol>
<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Menganjurkan bengkel dalam talian atau fizikal dengan melibatkan agensi berkaitan dan pakar keusahawanan.</li> <li>Mengadakan projek berbentuk penjanaan pendapatan seperti pembuatan produk makanan sejuk beku (<i>frozen food</i>)</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Ibu Tunggal</li> </ol>

	<p>2. Wanita B40</p> <p>3. Suri rumah</p>
<b>Kawasan</b>	DUN Linggi
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG yang berkaitan</b>	<b>Sasaran SDG Berkaitan</b>
<b>Matlamat 1:</b> Tiada Kemiskinan	<p><b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p>
<b>Matlamat 4:</b> Pembelajaran yang Berkualiti	<p><b>Sasaran 4.3:</b> Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti.</p>
<b>Matlamat 8:</b> Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	<p><b>Sasaran 8.2:</b> Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektoryang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif buruh.</p> <p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.</p>

### PENGUTAMAAN ISU 3: KEMISKINAN

<b>Permasalahan berkaitan dengan Isu</b>	<p>1. Kesukaran untuk mendapat dana atau bantuan dalam pembangunan ekonomi.</p> <p>2. Keterbatasan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup</p>
--	---

<b>Cadangan</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengadakan program penjanaan pendapatan bagi meningkatkan ekonomi kumpulan sasar.</li> <li>2. Memanfaatkan sumber alam yang ada seperti Sungai Linggi.</li> </ol>
<b>Kumpulan Terjejas</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penduduk setempat</li> <li>• Kumpulan B40</li> </ul>
<b>Kawasan</b>	Kampung Linggi
<b>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</b>	
<b>SDG yang berkaitan</b>	<b>Sasaran SDG Berkaitan</b>
<b>Matlamat 1:</b> Tiada Kemiskinan	<p><b>Sasaran 1.1:</b> Menjelang 2030, membasmi kemiskinan tegar semua manusia di seluruh dunia, yang kini diukur dengan kos sara hidup kurang daripada \$1.25 sehari</p> <p><b>Sasaran 1.2:</b> Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada jumlah lelaki, wanita dan kanak-kanak di semua peringkat umur yang hidup dalam semua dimensi kemiskinan menurut takrif nasional</p>
<b>Matlamat 4:</b> Pembelajaran yang Berkualiti	<b>Sasaran 4.3:</b> Menjelang 2030, pastikan akses sama rata untuk semua wanita dan lelaki kepada pendidikan teknikal, vokasional dan pengajian tinggi yang berpatutan dan berkualiti, termasuk universiti.
<b>Matlamat 8:</b> Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	<p><b>Sasaran 8.2:</b> Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan kepada sektoryang mempunyai nilai ditambah tinggi dan intensif buruh.</p> <p><b>Sasaran 8.3:</b> Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan bersaiz mikro, kecil dan sederhana, termasuk menerusi akses kepada perkhidmatan kewangan.</p>



## APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



**Persatuan Promosi Matlamant Pembangunan Lestari**

- 📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,  
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor
- ✉️ secretariat@appgm-sdg.com
- 🌐 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>
- 🌐 <https://appgm -sdg.com/>